

11

Kit Penulisan Dalam Pengajaran Pembezaan Bagi Meningkatkan Kemahiran Penulisan Karangan Naratif

Norhayati Jidin

norhayati_jidin@schools.gov.sg

Qurnyaningsy Ahmad Mokhtar

qurnyaningsy_ahmad_mokhtar@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Evergreen

Abstrak

Dengan adanya *Subject Based Banding* (SBB), dapat dilihat bahawa pengetahuan dan kemahiran pelajar menjadi semakin rencam. Para pelajar didapati menghadapi masalah untuk menghasilkan karangan naratif yang bermutu. Keadaan ini memerlukan guru untuk memanfaatkan Pengajaran Pembezaan (DI) bagi membantu pelajar yang mempunyai pelbagai tahap kemahiran menulis. Berdasarkan teori Vygotsky iaitu Zon Perkembangan Proksimal (ZPD), sebuah Kit Penulisan Naratif dihasilkan. Kit ini membantu guru menjalankan DI sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar dengan mengubah isi pembelajaran yang dipelajari, kaedah yang digunakan untuk meningkatkan pembelajaran dan hasil untuk menunjukkan pengetahuan dan kemahiran pelajar. Dengan menggunakan contohan, perancah, penilaian berdasarkan pembelajaran; senarai semak dan Plot 3K, guru berupaya memperkasakan pelajar menjadi penulis yang sendiri dan berkeyakinan.

Kata Kunci: Pengajaran Pembezaan (DI), Kit Penulisan Naratif, Plot 3K



PENGENALAN

Dengan pengenalan *Subject Based Banding* (SBB), guru mendapati bahawa kemahiran pelajar amat rencam dalam sesebuah kelas terutama dalam penulisan karangan naratif. Ada pelajar yang mempunyai kemahiran dalam penulisan dan ada juga pelajar yang menghadapi kesulitan untuk menulis karangan naratif kerana kekurangan idea dan kurang pemahaman bahawa sesebuah tema mempunyai makna yang lebih mendalam yang boleh diketengahkan melalui isu-isu tertentu. Isu-isu ini dapat dihidupkan melalui konflik, watak dan penggunaan bahasa figuratif. Untuk membantu pelajar mengembangkan idea dan menulis karangan yang bermutu, guru mempertimbangkan usaha menghasilkan Kit Penulisan Naratif. Kit ini memanfaatkan Pengajaran Pembezaan (DI), contohan, perancah, penilaian berdasarkan pembelajaran (AfL) dan Plot 3K untuk membantu guru menyesuaikan pengajaran dengan keperluan pembelajaran yang pelbagai untuk meningkatkan kemahiran penulisan pelajar.

Bagi membantu pelajar memikirkan idea yang menarik dan menggalakkan pemikiran yang kritis, Plot 3K telah diusahakan dalam Kit Penulisan Naratif. Dengan penggunaan Plot 3K diharapkan pelajar dapat memikirkan dengan lebih mendalam tentang sesuatu tema untuk menghasilkan karangan yang bermutu.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan keputusan ujian diagnostik yang dijalankan pada awal tahun, guru mendapati bahawa penulisan pelajar kurang menarik dari segi isi; kurang kreatif dan kurang matang. Guru berpendapat demi menggalakkan pemikiran yang kreatif dan kritis, pelajar perlu mempunyai kemahiran dalam penulisan plot agar mereka dapat memikirkan lebih mendalam tentang sesuatu tema.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan kemahiran pelajar menulis karangan naratif yang kreatif, logik dan matang;
2. menilai keberkesanan Kit Penulisan Naratif dan Plot 3K dalam meningkatkan kemahiran pelajar menulis karangan naratif yang bermutu; dan
3. memperkasakan pelajar untuk menulis karangan naratif secara sendiri.

KAJIAN LEPAS

Sewaktu membuat penelitian permasalahan yang dihadapi pelajar semasa aktiviti penulisan dijalankan di bilik darjah, guru mendapati dari awal markah yang diberi tidak konsisten dan tidak memuaskan kerana hasil penulisan pelajar bukanlah penulisan yang terbaik. Hal ini juga berkait rapat dengan kajian Graves (1983) yang menerangkan bahawa adalah lebih baik jika guru menimbang semula masa yang digunakan dalam proses memikirkan semula idea penulisan pelajar.

Selama ini, guru menjalankan pengajaran penulisan bermula dengan penulisan draf, plot dan akhirnya membuat pembetulan. Melalui penulisan pelajar, guru telah mengenal pasti kelemahan dalam pengajaran penulisan. Setelah itu, guru meneliti cara-cara, keperluan dan pertimbangan yang perlu diambil kira untuk menyediakan bukan sahaja alat atau bahan pengajaran penulisan yang terperinci tetapi juga mengambil kira profil pelajar yang rencam disebabkan SBB. Guru juga menggunakan Pengajaran Pembezaan (DI) untuk tahap kesediaan pelajar yang berbeza. Kit Penulisan Naratif tersebut telah dihasilkan setelah teori perkembangan pelajar diselidik.

Everson (1991), telah membincangkan tentang 'Zon Perkembangan Proksimal' (ZPD) Vygotsky yang pada awalnya melihat pelajar dari dua sudut iaitu *Actual* dan *Potential* – pelajar yang dibiarkan untuk menyelesaikan masalah sendiri pada tahap sedia ada. Namun, beliau kemudian akur bahawa alat pengukur tersebut kurang tepat kerana ia tidak menilai kebolehan dan potensi sebenar pelajar. Vygotsky menyarankan konsep ZPD yang mana pelajar dinilai mengikut parameter pembelajaran yang disediakan untuk menguasai



kemahiran-kemahiran tertentu yang bermula dari peringkat mereka menerima bantuan guru hinggalah saat mereka yakin untuk melakukannya secara sendiri. Parameter tersebut membolehkan pelajar untuk memaksimumkan potensi diri sendiri melalui aktiviti yang pelbagai dan perancah yang disesuaikan dengan kesediaan pelajar.

Sungguhpun begitu, Chaiklin (2003), mempersoalkan perancah yang boleh dianggap optima untuk pelajar dalam penguasaan bahasa. Dia percaya ZPD akan lebih berkesan sekiranya dalam penyediaan bahan pengajaran, guru mengambil kira konsep hubungan pembelajaran dan perkembangan dengan lebih meluas. Beliau berasa selain daripada mengenal pasti ZPD pelajar dan perancah, DI penting untuk memastikan perkembangan pelajar selaras dengan kemahiran yang dikuasai.

Ian Thompson (2013) telah melakarkan empat fasa ZPD yang boleh diterapkan dalam pengajaran bahasa, iaitu:

- a. Pelajar dibantu oleh seorang guru atau seseorang yang berkebolehan. Pelajar memberi respons pada arahan dan pemodelan.
- b. Bantuan sendiri berdasarkan alat bantu yang disediakan. Kawalan dalam proses kognitif mula beransur daripada guru kepada pelajar sendiri. Pelajar memberi respons pada aktiviti kolaboratif dan alat pengajaran.
- c. Keupayaan terbentuk dan menjadi automatik. Pada tahap ini bantuan tidak lagi diperlukan.
- d. Perubahan pada konteks mengakibatkan pengulangan dalam fasa rangka ZPD. Proses kognitif terjejas akibat perubahan pada konteks, soalan dan situasi. Respons pelajar daripada fasa 1-4 berulang.

Gaya Pembelajaran Model oleh Dunn dan Dunn (2009), mendefinisikan pembelajaran individu sebagai satu proses untuk mengamati kemahiran yang dipelajari sambil mengingat semula kandungan pelajaran dengan lebih berkesan. Untuk memastikan model pembelajaran ini berkesan, penting untuk guru menyediakan tugas-tugas, penilaian, projek dan kuiz-kuiz yang berbeza agar penguasaan bahasa dapat diperbaiki mengikut gaya

pembelajaran pelajar. Idea ini juga dijadikan rujukan dalam menyediakan aktiviti-aktiviti yang pelbagai dalam Kit Penulisan Naratif demi memastikan pembelajaran holistik dapat dijalankan.

Dalam memastikan Kit Penulisan Naratif yang dihasilkan menjadi satu kit yang lengkap, selain daripada meletakkan pembelajaran proses penulisan dalam satu rangka, terdapat juga suatu kekhawatiran sama ada kit yang dihasilkan boleh dimanfaatkan oleh pelajar daripada tahap kecekapan yang berbeza. Pertimbangan ini penting kerana Tomlinson (1999), menyatakan pelajar walaupun belajar dengan pelbagai cara, kemahiran penting dan isi yang dipelajari harus stabil. Beliau percaya walaupun cara pelajar belajar berbeza, 'destinasi' mereka tetap sama. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh beliau, pembelajaran dan pengajaran yang berjaya merangkumi dua elemen penting, iaitu pemahaman pelajar dan juga cara pelajar memanfaatkan perkara yang dipelajari. Tomlinson mendapati dalam pemerhatiannya, jika sesuatu pengajaran mengambil kira persediaan pelajar, kriteria sukses pengajaran boleh tercapai. Hal ini demikian kerana guru boleh memastikan keperluan bagi pelbagai tahap kecekapan pelajar dapat dipenuhi melalui penyesuaian yang dijalankan dalam pengajaran tertentu. Penyesuaian melalui perbincangan dalam kumpulan kecil, contohan, perancah yang berbeza dan bantuan yang diberi haruslah memenuhi kesediaan pelajar. Dalam kajian beliau juga, Tomlinson mendapati guru perlu tahu 'destinasi' yang perlu dituju (objektif yang perlu dicapai) pelajar dan harus peka akan proses yang berbeza yang harus dilalui pelajar untuk mencapai kejayaan. Malah, salah satu faktor utama adalah dengan memastikan pelajar diberi masa yang secukupnya untuk membentuk kemahiran. Lantas kit ini harus fleksibel dan boleh disesuaikan oleh guru untuk profil pelajar yang berbeza. Bahkan kit ini diterapkan dalam skema pengajaran (SOW) untuk pengajaran sepanjang setahun di peringkat menengah satu dan hanya karangan naratif dan deskriptif sahaja akan dinilai pada peperiksaan akhir tahun.

Dengan kehadiran *Subject Based Banding* (SBB), guru bukan sahaja perlu mempertingkatkan kemahiran mengajar pelajar yang memiliki kebolehan yang rencam tetapi guru juga harus bijak memilih pedagogi dan strategi pembelajaran yang pelbagai dan mengadunkannya dalam satu pengajaran



yang berkesan. Guru yang bijak boleh memadan persediaan pelajar dengan perancah yang boleh membantu pelajar mencapai objektif pembelajaran walaupun proses untuk setiap pelajar berbeza. Kajian yang dijalankan oleh Carolan dan Guinn pada tahun 2005-2006 telah berjaya mengenal pasti empat ciri yang membantu guru mengajar pelajar dengan lebih berkesan, iaitu:

- a. perancah yang pelbagai demi memenuhi keperluan profil pelajar yang khusus;
- b. menggunakan cara yang fleksibel untuk mencapai objektif pembelajaran;
- c. mencungkil dan mendalami kepakaran dalam subjek tertentu; dan
- d. menyediakan suasana pembelajaran yang memanfaatkan kesediaan pelajar yang pelbagai (Carolan & Guinn, 2007).

Dengan adanya rangka ZPD dan keperluan untuk merangka perancah, salah satu pertimbangan guru dalam menyediakan bahan PdP ialah proses penyediaan perancah yang sesuai dengan kesediaan pelajar. Puntambekar dan Hubscher (2005) telah mengetengahkan empat dasar utama dalam penyediaan perancah dengan tujuan untuk menyediakan struktur seperti berikut:

- a. **Intersubjectivity** - Guru dan pelajar mengenal pasti objektif menggunakan alat pengajaran.
- b. **Ongoing Diagnosis** - Guru menganggarkan tahap bantuan yang diperlukan untuk memastikan alat yang disediakan menarik perhatian dan memudahkan pemahaman pelajar.
- c. **Dialogic & Interactive** - Menenal pasti daya peningkatan dalam diri pelajar dan menyediakan tugas yang sesuai demi mengalihkan kawalan pengajaran guru pada pembelajaran sendiri.
- d. **Fading** - Guru mengalihkan tanggungjawab pembelajaran kepada pelajar kerana di tahap ini, pelajar berupaya dan berkebolehan untuk melengkapkan tugas tanpa bantuan.

Pada dasarnya Kit Penulisan Naratif ini telah menggabung jalinkan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) pelajar daripada dasar teori perkembangan



pelajar, DI dan dasar utama perancah dengan tujuan untuk memperkasakan pelajar dengan kemahiran penulisan karangan naratif.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 20 orang pelajar Menengah 1 Ekspres (SBB) yang terdiri daripada 8 orang pelajar (Kumpulan 3), 11 orang pelajar (Kumpulan 2) dan seorang pelajar (Kumpulan 1). Keupayaan para pelajar ini rencam. Kajian tindakan yang ringkas ini tidak mempunyai kumpulan kawalan.

Instrumen Kajian

Kit Penulisan Naratif menjadi instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, penerapan teknologi telah dimuatkan untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran (PdP). Klip video, portal SLS, *Google Classroom* dan *Google Meet* menjadi alat bantu ICT yang membantu pelaksanaan pembelajaran terutama sekali sewaktu pemutus rangkaian jangkitan. Instrumen penilaian dalam bentuk ujian diagnostik, ujian penilaian penggal tiga dan peperiksaan akhir tahun menjadi kayu ukur untuk meneliti peningkatan pelajar.

Prosedur Kajian

Ujian Diagnostik

Setiap pelajar diberi satu soalan karangan naratif sebagai ujian diagnostik. Ujian penulisan tersebut telah dijalankan pada awal tahun untuk mengukur kebolehan pelajar dalam penulisan karangan naratif. Pemarkahan ujian diagnostik tertumpu pada kekuatan dan kelemahan yang ditonjolkan melalui penulisan pelajar.

Penggunaan Kit Penulisan Naratif dan DI

Melalui Kit Penulisan Naratif, guru menjelaskan kriteria sukses karangan naratif yang bermutu. Kriteria sukses ini merupakan senarai semak dalam bentuk



cap. Cap senarai semak karangan naratif (*rujuk Rajah 4*) ini digunakan pada setiap karangan sebagai muhasabah diri pelajar ketika menulis agar menepati kriteria menulis karangan yang bermutu dan tindakan yang perlu diambil setelah guru menyemak dan memberikan maklum balas. Guru menggunakan kriteria sukses ini sebagai item AfL untuk memberi maklum balas kepada pelajar tentang kekuatan dan kelemahan pelajar.

Seterusnya, guru menggunakan Aktiviti Mengajar (AM) Perhalus, Perhalus, Perhalus (*R3 – Refine, Refine, Refine*) untuk memperdalam pembelajaran tema dan persoalan. Pelajar digalakkan untuk mengenal pasti dan memikirkan dengan lebih mendalam tentang tema dan persoalan melalui sajak, cerpen atau klip video yang dipilih guru berdasarkan profil pelajar (*process*). Untuk mengenal pasti sudut pandangan, guru menggunakan klip audio dan contoh petikan dari sudut pandangan orang pertama hingga sudut pandangan orang ketiga. Contoh petikan yang menggunakan penceritaan diberikan sebagai perancah kerana sering kali pelajar keliru untuk menggunakan sudut pandangan dan kata ganti nama yang sesuai dalam karangan. Bagi perkembangan watak, perancah disediakan agar pelajar terdedah dengan pelbagai jenis perwatakan.

Selanjutnya, guru memperkenalkan **Plot 3K; Kebetulan, Ketegangan dan Kejutan** melalui klip video. Guru memilih klip video yang sesuai berdasarkan keupayaan pelajar untuk memahami tiga unsur ini. Video ‘Kemalangan Hari Raya’ mengandungi sekurang-kurangnya **satu** unsur ketegangan, kebetulan dan kejutan dan sesuai digunakan sebagai bahan untuk membimbing pelajar Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 mengenal pasti unsur 3K dalam cerita. Klip video ‘Buku Ayah’ pula mempunyai sekurang-kurangnya **tiga** unsur ketegangan, kebetulan dan kejutan. Klip ini mengandungi lebih banyak unsur 3K kerana pelajar Kumpulan 3 merupakan pelajar yang lebih berkeyakinan untuk mencuba aktiviti ini secara sendiri kerana aktiviti ini lebih mencabar. Berdasarkan klip video tersebut, guru menggunakan AM Rangkaian IRF Mulakan-Respons-Maklum Balas (*Initiate-Response-Feedback*) agar pelajar dapat mengenal pasti Plot 3K dan kaitannya serta mendapat maklum balas daripada guru untuk menjadikan sesebuah cerita itu kreatif, logik dan matang.

Dalam DI, guru menyesuaikan tugas (*product*) dengan keupayaan pelajar. Pelajar yang tinggi tahap kesediaannya (*High Readiness (HR)*), dituntut untuk memberikan sekurang-kurangnya tiga perumitan konflik. Bagi pelajar di tahap kesediaan sederhana (*Medium Readiness (MR)*), dituntut untuk menghasilkan dua perumitan konflik dan bagi pelajar di tahap kesediaan rendah (*Low Readiness (LR)*), dituntut untuk menghasilkan satu perumitan konflik.

Ujian Penilaian Penggal 3

Sebelum peperiksaan akhir tahun, satu penilaian penulisan dijalankan pada Penggal 3. Sebelum penilaian ini dijalankan PdP menggunakan Kit Penulisan Naratif sudah selesai digunakan. Ujian ini dijalankan secara rasmi pada minggu ujian dalam latar ujian kelas untuk memastikan kesahihan hasil penulisan pelajar.

Peperiksaan Akhir Tahun

Sebelum peperiksaan akhir tahun, selain daripada proses menulis karangan naratif, komponen penerapan panca indera diterapkan sebagai pengenalan pada penulisan deskriptif. Bagi kertas satu peperiksaan akhir tahun, pelajar menengah satu diberi tiga soalan untuk bahagian dua, iaitu satu soalan karangan deskriptif dan dua soalan karangan naratif. Penyesuaian dipersetujui oleh ketua jabatan untuk memastikan bahan penilaian sesuai dengan pengajaran yang telah dijalankan sejak awal tahun.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Dapatan Kajian


Analisis Ujian Diagnostik

Kajian diagnostik menunjukkan pelajar boleh menulis karangan naratif. Karangan pelajar mengandungi plot yang mudah difahami tetapi tidak semua karangan menepati soalan. Karangan diagnostik dinilai mengikut alat penilaian




AfL iaitu Cap karangan naratif dan juga rubrik pemarkahan karangan. Pelajar didapati belum mahir menulis karangan naratif yang bermutu. Markah untuk ujian diagnostik adalah seperti berikut.

Rajah 1: Analisis Ujian Diagnostik




Berdasarkan markah ujian diagnostik, enam pelajar telah gagal ujian ini dan tidak berjaya meraih 20 markah, iaitu markah lulus (Rajah 1). Markah tertinggi yang diperolehi pelajar ialah 23 markah dan yang terendah ialah 16 markah. Keenam-enam pelajar yang gagal ujian ini tidak berjaya memenuhi tuntutan soalan. Markah purata juga agak rendah, iaitu 20.25 markah. Bagi pelajar yang lulus, markah pencapaian tidak begitu tinggi kerana plot cerita kurang menarik dan tidak memenuhi aspek 3K yang pada saat itu belum diajar kepada pelajar. Oleh itu, markah karangan yang diraih melalui ujian diagnostik merupakan markah dalam jangkaan guru yang menilai penulisan mereka.

Rajah 2: Analisis Ujian Penggal 3



Berdasarkan markah ujian penulisan Penggal 3, dua pelajar telah gagal ujian ini dan tidak berjaya meraih 20 markah iaitu markah lulus (Rajah 2). Markah tertinggi yang diperoleh pelajar ialah 29 markah dan yang terendah ialah 17 markah. Kedua-dua pelajar yang gagal ujian ini tidak berjaya memenuhi tuntutan soalan. Markah purata kali ini telah meningkat, iaitu 23.6 markah berbanding markah ujian diagnostik, iaitu 20.25 markah. Peningkatan sebanyak 3.35 markah bagi markah purata pelajar. Bagi yang lulus, peningkatan markah pelajar menunjukkan bahawa pelajar berupaya menulis cerita yang menarik dan mengandungi aspek 3K dengan segelintir yang berjaya mengemukakan beberapa ketegangan konflik dalam cerita mereka. Peningkatan markah sangat memberangsangkan dan menjadi titik pengenalan pada konsep penulisan karangan deskriptif.

Rajah 3: Analisis Karangan Peperiksaan Akhir Tahun



Berdasarkan markah penulisan peperiksaan akhir tahun, tiada pelajar yang gagal dalam penulisan karangan (Rajah 3). Markah tertinggi yang diperoleh pelajar ialah 29 markah dan yang terendah ialah 23 markah. Markah purata kali ini telah mencecah 25.6 iaitu peningkatan sebanyak 2 markah berbanding keputusan ujian penulisan penggal tiga iaitu 23.6. Peningkatan markah pelajar menunjukkan bahawa pelajar berupaya menulis cerita yang menarik dan mengandungi aspek 3K dengan segelintir yang berjaya mengemukakan beberapa ketegangan konflik dalam cerita pelajar. Bagi peperiksaan akhir tahun ini, 12 orang pelajar meraih peningkatan markah, empat orang pelajar tidak meraih perubahan markah dan empat orang pelajar mengalami pengurangan markah.



Jika dilihat dengan lebih terperinci keputusan peperiksaan akhir tahun (Rajah 5), dapat dikenal pasti walaupun ada peningkatan pada markah purata kelas, tidak semua pelajar memenuhi kriteria penulisan yang baik khususnya bahagian isi yang mana penilaian berdasarkan pembelajaran (AfL), cap senarai semak tidak dipenuhi (Rajah 4). Analisis khusus ini membantu guru mengenal pasti kelemahan pelajar kerana penelitian bagi kriteria penulisan diambil kira dengan lebih terperinci. Berdasarkan gambar Rajah 5, semua pelajar lulus kerana dapat menulis plot cerita yang jelas. Pencapaian pelajar bertambah baik kerana 40% pelajar berjaya menulis isi karangan yang mempunyai unsur 3K yang kreatif, logik dan matang. Dapatan ini berdasarkan cap senarai semak yang menjadi panduan guru sewaktu menyemak karangan naratif atau deskriptif. Senarai semak ini merupakan penilaian berdasarkan pembelajaran (AfL) bagi pelajar untuk memperbaiki kelemahan pelajar.

Rajah 4: Cap Senarai Semak AfL

Senarai Semak Penulisan Naratif

<input type="checkbox"/> Logik <input type="checkbox"/> Matang <input type="checkbox"/> Kreatif <input type="checkbox"/> 5 Baris Dialog <input type="checkbox"/> 7 Frasa Berbunga <input type="checkbox"/> 5 Peribahasa	<input type="checkbox"/> Menepati kehendak soalan <input type="checkbox"/> Permulaan <input type="checkbox"/> Perkembangan Konflik/ Watak <input type="checkbox"/> Klimaks <input type="checkbox"/> Peleraian <input type="checkbox"/> Penutup
--	---

Maklum Balas Guru :



Senarai Semak Penulisan Deskriptif

<input type="checkbox"/> Logik <input type="checkbox"/> Matang <input type="checkbox"/> Kreatif <input type="checkbox"/> Penerapan Panca Indera <input type="checkbox"/> 7 Frasa Berbunga <input type="checkbox"/> 5 Peribahasa	<input type="checkbox"/> Menepati Kehendak soalan <input type="checkbox"/> Permulaan <input type="checkbox"/> Perkembangan Konflik <input type="checkbox"/> Klimaks <input type="checkbox"/> Peleraian <input type="checkbox"/> Penutup
--	--

Maklum Balas Guru :



Rajah 5: Analisis Lebih Terperinci Penggunaan Plot 3K Dalam Peperiksaan Akhir Tahun

Belum Memenuhi Kriteria	Memenuhi Kriteria	Melebihi Kriteria
<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar menulis plot cerita yang jelas. • 3K: <ul style="list-style-type: none"> - Jalan cerita yang mudah. - Tidak memenuhi komponen 3K yang lengkap. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar menulis plot cerita yang jelas. • 3K: <ul style="list-style-type: none"> - Jalan cerita yang mudah. - Mengandungi kesemua komponen 3K. - Berjaya mengetengahkan sekurang-kurangnya 2 ketegangan konflik sebelum klimaks cerita - Idea matang 	<ul style="list-style-type: none"> • 14 markah atau lebih untuk isi. • Pelajar menulis plot cerita yang jelas. • 3K: <ul style="list-style-type: none"> - Jalan cerita yang kompleks dan menarik. - Mengandungi kesemua komponen 3K. - Berjaya mengetengahkan sekurang-kurangnya 2 ketegangan konflik sebelum klimaks cerita - Idea matang dan kreatif
(20% daripada 20 pelajar)	(40% daripada 20 pelajar)	(40% daripada 20 pelajar)

Perbincangan Dapatan Kajian

Kit Penulisan Naratif membantu pelajar mengikuti pelajaran dengan lebih berkesan kerana kit ini memanfaatkan DI, contohan dan perancah. Melalui contohan karangan yang bermutu dan yang tidak bermutu, pelajar dapat membuat kaitan tentang ciri-ciri karangan naratif yang dipelajari dan kepentingan dalam menghasilkan karangan naratif yang bermutu. Melalui DI dan perancah, pelajar dapat belajar mengikut tahap kesediaan pelajar. Ini sejajar dengan dapatan kajian (Rajah 5) yang mana pelajar HR dan MR bahkan LR dapat menulis karangan naratif dengan plot cerita yang jelas. Plot 3K membantu pelajar menjana idea untuk menulis kerana dengan mengaplikasikan Plot 3K, iaitu mengubah sesuatu kebetulan, ketegangan dan kejutan kepada cerita yang biasa, pelajar akan dapat menghasilkan sebuah cerita yang baharu dan mendalam. Bagi pelajar MR dan HR, pelajar dapat merancang dan memikirkan kebetulan-kebetulan yang logik yang diperlukan untuk membina beberapa perumitan konflik sehingga mencapai klimaks dan seterusnya mencapai peleraian yang matang. Pelajar juga terdorong untuk memikirkan kejutan yang sesuai untuk membuatkan isi cerita pelajar kreatif. Bagi pelajar LR, pendedahan yang lebih terhadap cerpen-cerpen perlu disediakan untuk menjana idea kerana pelajar LR kebanyakannya kurang membaca buku. Bagi



pelajar LR, MR dan HR, keyakinan pelajar dalam penulisan dikukuhkan dengan maklum balas guru yang spesifik melalui penilaian berdasarkan pembelajaran (AfL). Melalui cap senarai semak AfL dan maklum balas guru secara bertulis, pelajar tahu kelemahan dan apa yang perlu dilakukan untuk memperbaiki penulisan mereka. Bagi pelajar yang telah dapat menulis dengan baik, maklum balas guru mengukuhkan kekuatan pelajar.

Bagi guru, Kit Penulisan Naratif merupakan kit yang lengkap yang membantu guru memperkenalkan karangan naratif kepada pelajar menengah satu. Kit ini juga membolehkan guru menyesuaikan pengajaran dengan keperluan pembelajaran pelajar untuk meningkatkan kemahiran penulisan pelajar. Ini kerana, kit ini disertakan dengan bahan pengajaran seperti klip-klip video, slaid PowerPoint dan lembaran kerja serta contoh dalam salinan lembut yang memudahkan guru untuk memilih dan mengubah bahan pengajaran mengikut profil pelajar. Semasa pemutus rantai, guru dapat meneruskan PdP kerana dapat memuatnaikkan bahan pengajaran yang ada dalam kit di *SLS* dan *Google Classroom*.

Cap senarai semak AfL pula, memberi maklum balas kepada guru mengenai keberkesanan pengajaran guru. Dengan maklum balas ini, guru akan menilai semula pengajaran guru dan akan memikirkan cara yang lebih baik untuk meningkatkan pemahaman pelajar.

KESIMPULAN

Dengan menggunakan Kit Penulisan Naratif yang memanfaatkan DI, contoh, perancah, penilaian berdasarkan pembelajaran (AfL) dan Plot 3K, pelajar yang pelbagai tahap kesediaan dapat menulis karangan naratif yang mempunyai plot yang lengkap, kreatif, logik dan matang berbanding dengan ujian diagnostik. Plot 3K pula menjadi panduan kepada pelajar untuk menjana idea bagi merancang kebetulan-kebetulan yang sesuai untuk membolehkan ketegangan berlaku sehingga ke klimaks dan membina peleraian yang matang serta ada unsur kejutan untuk menjadikan cerita tersebut kreatif, logik dan matang. Melalui maklum balas yang diberikan oleh guru, pelajar dapat memperbaiki kelemahan dan mengukuhkan kekuatan sehingga membolehkan pelajar



menulis karangan dengan yakin, kreatif, logik dan matang secara sendiri. Kit Penulisan Naratif ini juga dapat menyokong pembelajaran teradun yang mana guru boleh merancang pengajaran yang memanfaatkan pembelajaran dalam talian dan mengukuhkan pembelajaran apabila bersemuka.

Kajian ini juga menghadapi masalah yang boleh diatasi bagi memperbaiki proses PdP. Dari segi menjana idea, pelajar mempunyai idea yang terhad kerana pembacaan yang tidak meluas. Oleh itu, guru mencadangkan agar buku kompilasi karangan yang bermutu diusahakan agar pelajar mempunyai lebih banyak idea untuk menerapkan Plot 3K bagi menghasilkan karangan yang kreatif, logik dan matang.

Kesimpulannya, Kit Penulisan Naratif dan Plot 3K meningkatkan kemahiran pelajar menulis karangan naratif yang kreatif, logik dan matang dan memperkasakan pelajar untuk menulis karangan naratif yang bermutu secara sendiri.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Zulkarnain Sarion
2. Imran Zainal
3. Nurulazmi Manan
4. Norashimah Abdul Rahim
5. Mohamad Iskandar Ishak

RUJUKAN

Carolan, J., & Guinn, A. (2007). Differentiation: Lesson from Masters Teachers. *Educational Leadership*, (44-47).

Chaiklin, S. (2003). The Zone of Proximal Development in Vygotsky's Analysis of Learning and Instruction. In A. Kozulin, B. Gindis, V.S. Ageyve, & S. M. Miller, *Vygotsky's Educational Theory in Cultural Context*, (39-64). Cambridge: The Press Syndicate of the Cambridge University Press.



- Dunn, R., Honigsfeld, A., Doolan, L.S., Bostrom, L., Russo, K., Schiering, M., S., Tenedero, H. (2009). Impact of Learning-style Instructional Strategies on Students' Achievement and Attitudes: Perception of Educators in Diverse Institutions. *The Clearing House: a Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas*, (135-140)
- Everson, B. J. (1991). Vygotsky and the Teaching of Writing. *The Quarterly*, (8-11).
- Graves, D. (1981). *Writing with power*. New York: Oxford University Press.
- Puntambekar, S., & Hubscher, R. (2005). Tools for Scaffolding Students in a Complex Learning Environment: What Have We Gained and What Have We Missed? *Educational Psychologist*, (40, 1-12).
- Thompson, I. (2013). The Mediation of Learning in the Zone of Proximal Development through a Co-constructed Writing Activity. *Research in the Teaching of English*, (47, 247-276).
- Tomlinson, C. A. (1999). Mapping a Route Toward Differentiated Instruction. *Educational Leadership*, (57, 12-16).